



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 23 DISEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PENTERNAK RESAH LEMBU HIDAP PENYAKIT KULIT, DALAM NEGERI, UM -37	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	WAGYU BEEF WORTH RM18,832 SEIZED, NEWS, NST -10	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3.	CENDAWAN JADI TANAMAN INTEGRASI KEDUA, DALAM NEGERI, UM -35	LAIN-LAIN
4.	HARGA SAYUR MASIH MAHAL, LOKAL, HM -3	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/12/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	37

Penternak resah lembu hidap penyakit kulit

Oleh ROHANA ISMAIL
utusannews@mediamula.com.my

TUMPAT: Kira-kira 20 penternak di Mukim Bendang Pak Yong di sini, resah memandangkan lebih 100 ekor lembu ternakan mereka sakit dan mengalami penyakit kulit disebabkan ter-lalu lama terendam di dalam air semasa banjir melanda, baru-baru ini.

Mereka berdepan risiko kerugian ribuan ringgit jika lembu-lembu terbabit tidak dirawat segera dan berisiko mati.

Seorang penternak, Azman Ibrahim, 42, berkata, dua ekor lembunya sakit dan kaki melecet selepas seminggu sebahagian badan terendam dalam air banjir.

Katanya, kulit lembunya mengelupas seperti disiat sehingga kelihatan isi daging di bawah perut dan kaki.

"Empat kaki lembu itu berdarah, kulitnya mengelupas dan tercabut sehingga nampak isi daging. Sedih melihat keadaan lembu bunting itu, ia seperti menahan sakit," katanya ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Kajang Sebidang di sini, semalam.

Azman berkata, walaupun lembunya sudah dialihkan ke

tempat tinggi tetapi banjir kali ini mengakibatkan semua tempat tenggelam.

Katanya, dia menyapu ubat di kaki lembu itu sejak beberapa hari lalu sebelum menunggu Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kelantan datang memeriksa.

Seorang lagi penternak, Mohd. Ali Sa'mah 62, berkata, walaupun lembunya dapat diselamatkan daripada mati lemas, namun 10 ekor mengalami masalah kesihatan selepas bah.

Katanya, lembu menjadi kurus, tidak aktif dan kurang selera makan.

"Situasi itu sangat merisaukan penternak, kami bimbang lembu itu mati jika tidak dirawat," katanya.

Sementara itu Penghulu Mukim Bendang Pak Yong, Mohd Azmi Ibrahim berkata, Jabatan Perkhidmatan Veterina (JPV) telah turun padang untuk memberi rawatan kepada lembu-lembu di Kampung Kajang Sebidang, Naga Ibu, Kubang Sawa dan Bendang Pak Yong.

Katanya, semua lembu itu telah disuntik dengan antibiotik, vitamin dan ubat tahan sakit secara percuma dan situasi itu sekali gus meringankan beban penduduk kampung yang terkesan banjir.



SEORANG penternak menunjukkan lembunya yang mengalami penyakit kulit akibat banjir di Mukim Bendang Pak Yong, Tumpat, Kelantan.

SMUGGLING ATTEMPT

WAGYU BEEF WORTH RM18,832 SEIZED

Malaysian did not have permit to bring 21.4kg of the meat into Johor from Singapore

JASSMINE SHADIQE
ISKANDAR PUTERI
news@nst.com.my



AN attempt to smuggle RM18,832 worth of wagyu beef from Singapore through the Sultan Abu Bakar Complex here was foiled on Friday.

A 40-year-old Malaysian man allegedly tried to smuggle 21.4kg of the meat in three boxes hidden in the boot of his vehicle. The

The wagyu beef seized at the Sultan Abu Bakar Complex in Iskandar Puteri, Johor, on Friday.

PIC. FROM MALAYSIAN QUARANTINE AND INSPECTION SERVICES DEPARTMENT

beef is believed to have been bought in Singapore.

Johor Malaysian Quarantine and Inspection Services Depart-

ment (Maqis) director Edie Putra Md Yusof said the meat was seized as there was no permit for it.

The driver failed to produce a veterinary health certificate or halal verification documents.

The driver and the vehicle were detained to facilitate investigations under Section 11(1) of the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011.

The offence is punishable under Section 11(3) of the act, which carries a fine of up to RM100,000 and six years' jail.

Edie Putra said all agricultural products brought into the country must have Maqis permits.

"The smuggling attempt was foiled after Customs Department and Maqis enforcement officers intercepted the Malaysian-registered vehicle at 11.40am," he said on Saturday.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/12/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	35

Cendawan jadi tanaman integrasi kedua

TAPAH: Penduduk Kampung Kenangan, Bidor di sini menjadikan cendawan sebagai tanaman tanaman integrasi kedua selepas getah, kelapa sawit, pisang dan pertanian yang lain.

Apa yang menarik, cendawan yang ditanam tidak sahaja dijual secara mentah tetapi dibungkus sebagai produk untuk sup, rendang dan pekasam serta diproses sebagai minuman dan pati burger yang mempunyai nilai kesihatan yang baik.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselama-

tan Kampung (JPKK) Kampung Kenangan, Bidor, Maizal Affendey Jalaludin berkata, tanaman itu dipilih kerana ia mudah, murah dan senang diusahakan dan dapat memberi manfaat kepada kira-kira 200 penduduk kampung yang terlibat dengan projek tersebut.

"Tanaman ini membantu komuniti kampung mendapat pendapatan segera," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Menurutnya, cendawan mudah diusahakan kerana bebas bahan kimia.



PENDUDUK menunjukkan produk cendawan yang siap dibungkus yang diusahakan di Kampung Kenangan, Bidor dekat Tapah. -
UTUSAN/MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

Shah Alam: Harga sayur-sayuran di pasaran masih tidak menentu memsuki minggu keempat tanpa menunjukkan tanda-tanda penurunan ketara.


Berdasarkan tinjauan di Pasar Moden, Seksyen 6, Shah Alam, Selangor semalam, harga sayur-sayuran masih dijual pada harga 40 peratus lebih tinggi berbanding sebelumnya.

Peniaga sayur-sayuran, Mohd Zulfadhli Mohd Ismail, 42, berkata, faktor cuaca, bencana banjir dan tanah runtuh menyumbang kepada kenaikan harga sayur-sayuran.

"Kebanyakan sayur-sayuran dijual datangnya dari ladang di tanah tinggi Cameron Highlands. Namun cuaca tidak menentu menyebabkan harga sayur-sayuran terus mengalami kenaikan ketara.

"Sebagai contoh sayur sa-

Harga sayur masih mahal



HARGA sayur-sayuran masih dijual pada harga 40 peratus lebih tinggi berbanding sebelumnya.

lad yang dijual pada harga RM12 sekilogram (kg) sebelum ini terpaksa dijual pada harga RM20 kini".

Zulfadhli

wi semalam berbanding minggu lalu.

"Saya menjual sayur ini pada harga RM4 sekilogram berbanding RM8 sekilogram minggu lalu.

"Bagaimanapun harga kacang panjang, kobis dan timun masih kekal tinggi dan tiada penurunan ketam-

karan mendapatkan bekalan kelapa dari Bagan Datuk, Perak selain Sabak Bernam dan Tanjung Karang, Selangor.

"Akibatnya pemborong terpaksa mengimport kelapa dari Indonesia. Keadaan ini memberi kesan kepada kenaikan harga sebiji kelapa yang kini dijual pada harga RM2.70 hingga RM2.80 sebiji berbanding RM1.90 sebelum ini.

"Harga kelapa parut yang dijual RM10 turut terpaksa dinaikkan kepada RM12 sekilogram. Manakala harga santan turut dijual pada harga RM17 sekilogram berbanding RM15 sekilogram sebelum ini," katanya.

Seorang lagi peniaga kelapa, Abdul Kamil Ismail, 39, mengakui stok bekalan kelapa yang berkurang menjadi punca kenaikan harga kelapa parut dan santan.